



***EON Inspirasi***  
*Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah*

***Rahsia Lebah***  
*Sains vs Alquran*

***Warisan Semulajadi Geologi***  
*Hubungan dengan Flora dan Fauna*

***Basic Navigation in Forest***  
*Tips and tricks*

ISSN 2773-5869



9 772773 586005



# Perspektif



## MENJELAJAHI DUNIA HAIWAN: PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN MELALUI LAWATAN ZOO

Oleh

Siti Nur Aishah Mohd Noor dan Mohd Khairul  
Amri Ramly

Jabatan Alam Bina dan Teknologi, Kolej Alam  
Bina, UiTM Cawangan Perak,  
Kampus Seri Iskandar, 32610, Perak

*sitinuraishahmn@uitm.edu.my*

EDITOR: DR. AIDA SYAFINAZ MOKHTAR

Pembelajaran berasaskan pengalaman merupakan pendekatan yang efektif dalam membantu anak-anak memahami dan mengingati pelajaran dengan lebih baik. Pengalaman nyata membolehkan anak-anak terlibat secara aktif dan mendalam dalam pembelajaran. Salah satu cara untuk memberikan pengalaman berasaskan pembelajaran kepada anak-anak adalah melalui lawatan ke zoo haiwan. Lawatan ke zoo haiwan bukan sahaja memberi peluang kepada anak-anak untuk belajar tentang kepelbagaian spesies haiwan yang menakjubkan, tetapi juga membawa mereka ke alam semulajadi, memahami kehidupan haiwan dan habitat mereka secara dekat. Di samping itu, pengalaman ini juga membuka pintu kepada pelbagai isu berkaitan pemeliharaan haiwan dan kelestarian alam yang semakin penting dalam dunia yang sedang menghadapi cabaran ekologi yang serius.

Artikel ini bertujuan untuk berkongsi tentang manfaat kepentingan pembelajaran berasaskan pengalaman melalui lawatan zoo haiwan yang diperoleh terutamanya untuk anak-anak, serta cara penilaian dan peluang pembelajaran

yang unik yang dapat kita ambil dari pengembaraan di dunia haiwan. Pengalaman ini akan membentuk kefahaman dan kepedulian anak-anak kita terhadap alam sekitar yang berkongsi planet dengan kita. Pendekatan ini sejajar dengan inisiatif Matlamat Pembangunan Lestari Keempat (SDG 4) yang memberi penekanan kepada menyediakan kanak-kanak dan golongan muda akses yang berkualiti dan mudah kepada pendidikan serta peluang pembelajaran yang lain. Salah satu sasarannya adalah untuk mencapai literasi dan numerasi sejagat.

### Membuka pintu ke alam semulajadi

Pengembaraan lawatan ke zoo dirasakan seperti melewati pintu gerbang ke dunia semulajadi, dimana interaksi secara langsung serta memahami habitat haiwan-haiwan yang menarik dari pelbagai sudut diperkenalkan.

Melalui penyelusuran lawatan, anak-anak dapat menyaksikan secara langsung kehidupan haiwan di habitat mereka yang sebenar. Di dalam zoo, anak-anak dapat mengamati spesies haiwan dari seluruh dunia dalam persekitaran yang direka dengan mereplika habitat asli mereka sebaik mungkin. Pengalaman ini memberikan kesempatan kepada anak-anak untuk menyaksikan gerak-geri, perilaku, dan interaksi haiwan-haiwan ini dalam suasana yang hampir sama dengan di alam semulajadi. Di samping itu, lawatan ke zoo juga memperkenalkan anak-anak kepada haiwan yang mungkin tidak dapat mereka temui dalam kehidupan sehari-hari. Daripada zirafah yang menjulurkan leher mereka yang panjang ke pohon-pohon, hingga gajah yang megah bermandikan di bawah pancaran air, pengalaman ini menghadirkan keajaiban-keajaiban alam yang jarang terlihat oleh anak-anak.

Melihat haiwan-haiwan yang semakin pupus ini secara langsung memberi anak-anak peluang untuk mengenali kepelbagaian spesis haiwan dan memahami betapa pentingnya menjaga kelestarian alam semulajadi. Tambahan juga, lawatan ke zoo juga memberi peluang untuk mendekati haiwan-haiwan yang mungkin diancam kepupusan. Melalui pameran pemuliharaan dan pendidikan di zoo, anak-anak dapat memahami betapa rentannya beberapa spesis haiwan akibat aktiviti manusia seperti pemburuan haram, pembalakan dan perhutanan yang menyebabkan kehilangan habitat semulajadi mereka. Pengalaman ini merangsang rasa kesedaran dan kepedulian tentang isu-isu pemuliharaan dan kelestarian alam, mendorong anak-anak untuk menjadi warga bumi yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap kehidupan semua makhluk yang turut hidup di bumi ini. Dengan demikian, lawatan ke zoo haiwan adalah cara yang hebat untuk membuka pintu ke alam semulajadi, memperkenalkan anak-anak kepada kepelbagaian hayat di bumi dan membawa mereka lebih dekat kepada perjuangan pemuliharaan dan pelestarian alam yang mendesak di zaman ini.

### Belajar melalui pengalaman

Di samping itu, lawatan ke zoo haiwan bukan sekadar perjalanan melihat haiwan-haiwan yang menarik, tetapi juga merupakan pengalaman pembelajaran berasaskan pengalaman yang menyentuh aspek pemahaman anak-anak. Melalui aktiviti yang interaktif seperti memberi makan haiwan tertentu atau menghadiri sesi pendidikan khas, anak-anak dapat merasai sendiri bagaimana haiwan-haiwan berinteraksi dengan lingkungan mereka dan sesama mereka. Dengan peluang untuk menyaksikan pameran haiwan-haiwan yang menakjubkan, anak-anak diberi kesempatan untuk melihat dengan mata mereka sendiri betapa istimewanya setiap spesies haiwan. Penerangan dari penjaga zoo yang penuh pengetahuan memperkaya pengalaman tersebut dengan memberikan informasi mendalam tentang sifat-sifat, tabiat makanan dan cara hidup haiwan-haiwan tersebut.

Selain itu, lawatan ke zoo juga memungkinkan anak-anak untuk memahami peranan penting yang dimainkan oleh zoo dalam usaha pemeliharaan dan pelestarian haiwan-haiwan terancam. Dalam sesi pemuliharaan, anak-anak dapat melihat bagaimana pihak zoo memberi perhatian dan menyediakan lingkungan yang sesuai bagi haiwan-haiwan untuk berkembang bagi menyokong kelestarian spesis terutamanya untuk haiwan yang semakin terancam.



Gambar 1: Pendedahan melalui pengalaman; memberi haiwan makan. (Sumber: Koleksi peribadi penulis).

Aktiviti ini tidak hanya meningkatkan pengetahuan anak-anak tentang kehidupan haiwan, tetapi juga mengasah kemahiran seperti kerjasama, ketelitian dan bertanggungjawab dalam diri anak-anak. Mereka belajar untuk memahami pentingnya menyumbang kepada usaha pemuliharaan bagi masa depan kehidupan di bumi.

### Peluang pembelajaran seumur hidup

Pengalaman belajar melalui lawatan ke zoo haiwan tidak hanya memberikan kesan positif dalam jangka pendek, tetapi juga membawa manfaat jangka panjang dalam bentuk peluang pembelajaran seumur hidup. Anak-anak tidak hanya memperoleh pengetahuan tentang spesies haiwan dan kehidupan semulajadi, tetapi juga membawa pulang rasa ingin tahu yang terus berkembang.




Gambar 2: Persembahan haiwan dan penerangan mengenai haiwan daripada Ranger Zoo. (Sumber: Koleksi peribadi penulis).

Pengalaman yang diperoleh di zoo dapat menjadi asas untuk pengembaraan ilmiah yang lebih mendalam di masa depan. Tambahan juga, pelajaran yang dipelajari melalui pengalaman zoo memupuk minat dalam bidang- bisang sains dan konservasi. Mereka dapat mengaplikasikan pengetahuan mereka tentang ekosistem, interaksi haiwan, dan pemeliharaan alam sekitar dalam kehidupan sehari-hari mereka. Pengalaman ini juga dapat mengilhamkan anak-anak untuk terus belajar dan terlibat dalam usaha pelestarian alam melalui penyertaan dalam aktiviti -aktiviti yang turut menyokong kempen pemeliharaan hutan, anak-anak dapat melibatkan diri dalam usaha perlindungan alam yang luas. Oleh yang demikian, pengalaman di zoo tidak sekadar menghasilkan pembelajaran sementara, tetapi menjadi titik tolak asas bagi pemahaman mendalam dan komitmen terhadap kelestarian alam yang berkekalan sepanjang hayat.

Dalam dunia yang semakin kompleks ini, pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman semakin mendapat pengiktirafan kerana kesannya yang mendalam dan berkekalan. Pengalaman belajar ini membuktikan bahawa belajar tidak hanya berlaku dalam dinding kelas, tetapi juga melalui interaksi dengan dunia sekitar kita.

Lawatan ke zoo haiwan tidak hanya melahirkan pengetahuan baru, tetapi juga mengasah kemahiran sosial dan emosi anak-anak. Mereka belajar tentang kerjasama, tanggungjawab, dan kepedulian terhadap makhluk hidup yang lain. Sebagai ibu bapa, kita juga harus menyedari bahawa pengalaman di zoo membawa impak jangka panjang, mendorong minat dan hasrat bagi anak-anak untuk terus belajar tentang alam semulajadi. Anak-anak yang terdedah kepada pengalaman ini mempunyai potensi untuk menjadi warga bumi yang lebih prihatin dan bertanggungjawab terhadap kelestarian bumi. Secara ringkasnya, adalah diharapkan pengalaman belajar melalui pengalaman lawatan zoo haiwan ini akan menjadi permulaan bagi perjalanan anak-anak dalam merangkul ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan tentang kehidupan haiwan. Melalui kesedaran dan komitmen yang dibangunkan menerusi pengalaman ini, generasi akan datang dapat menjadi pelindung dan penjaga alam semulajadi, memastikan bahawa kepelbagaian haiwan dan keindahan hutan tetap terpelihara untuk masa depan yang lebih baik.



Gambar 3: Pengembaraan ke dunia kucing di Catopia, Sunway Lost World of Tambun, Ipoh. (Sumber: Koleksi peribadi penulis).